



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Program Dermasiswa B40

MAKLUMAT PENAJAAN PROGRAM DERMASISWA B40

Program Dermasiswa B40 merupakan program penajaan dalam bentuk dermasiswa yang disasarkan untuk pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah iaitu golongan B40 yang sedang mengikuti pengajian peringkat Diploma dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Penajaan di bawah program ini adalah bagi pengajian yang ditawarkan di Universiti Awam (UA), Politeknik, Institut Kemahiran Awam (IKA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang dikenal pasti sahaja.

Syarat-Syarat Permohonan

- Warganegara Malaysia.
- Mempunyai kesihatan yang baik.
- Permohonan dibuka untuk calon-calon lepasan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) buat kali pertama.
- Ibu dan/atau bapa tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh JPA.
- Tidak menerima bantuan kewangan/tajaan dari mana-mana pihak di peringkat pengajian yang sama.
- Pendapatan per kapita dalam kategori B40.
- Telah mendapat tempat dan memulakan pengajian peringkat Diploma di institusi pengajian tersebut.

Nota: Syarat-syarat permohonan adalah tertakluk kepada dasar penajaan yang akan dimaklumkan dalam iklan penawaran tajaan terkini.

Bidang Pengajian

- Kejuruteraan dan Teknikal
- Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)
- Sains
- Sains Sosial

Cara Permohonan

Permohonan dibuka secara dalam talian di Portal Rasmi Pembangunan Modal Insan JPA

<https://esilav2.jpa.gov.my>

pada tarikh yang akan dimaklumkan dalam iklan penawaran tajaan.

Maklumat Perhubungan

- E-mel: penawaranisp@jpa.gov.my
- Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA):
<https://jpa.spab.gov.my/eApps/system/index.do>



www.jpa.gov.my



Jabatan
Perkhidmatan Awam



Jabatan
Perkhidmatan Awam



@jpagov



@jpa2day

INFOGRAFIK UKK.JPA
JUN 2021



Bersama
Hentikan
Wabak
Covid-19